



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN

SUMBANGAN ASAS RAHMAH 2024: RM700 JUTA UNTUK 700,000 PENERIMA

Subsidi bersasar mengangkat taraf ekonomi golongan rentan

Kerajaan telah menambah baik program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebagai bantuan subsidi bersasar kepada rakyat yang paling terkesan dengan gelumang kos sara hidup. Program ini yang bakal dilaksana secara berperingkat bermula 22 Januari 2024, menyasarkan untuk mengangkat taraf ekonomi golongan rentan dan menjunjung prinsip kesaksamaan yang menjadi teras kepada kerangka Ekonomi MADANI.

“Transformasi ekonomi Malaysia bermula dengan mengangkat darjat rakyat. Penambahbaikan program SARA ini merupakan satu langkah awal untuk menangani kesenjangan kekayaan serta membina sebuah masyarakat yang inklusif seperti didambakan dalam kerangka Ekonomi MADANI,” kata Perdana Menteri dan Menteri Kewangan YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Penambahbaikan SARA untuk tahun 2024 termasuklah:

1. Memperluas penerima yang layak untuk SARA merangkumi golongan miskin dan miskin tegar, berbanding tahun 2023 yang hanya terhad kepada miskin tegar;
2. Meningkatkan kadar bantuan untuk isi rumah SARA kepada RM1,200 berbanding RM600 pada tahun 2023. Manakala, kadar untuk golongan bujang kekal RM600; dan
3. Mengambil kira maklum balas penerima, penggunaan kredit program SARA diperluas daripada hanya makanan asas kepada tiga kategori barang asas tambahan iaitu barang kebersihan diri, ubat-ubatan dan peralatan persekolahan.

Dengan penambahbaikan tersebut, program SARA tahun 2024 dijangka memanfaatkan lebih **700,000 penerima dengan peruntukan RM700 juta** berbanding tahun 2023, iaitu hanya 210,000 penerima dengan perbelanjaan RM130 juta. Ini melibatkan peningkatan peruntukan lebih lima kali ganda berbanding tahun lepas¹. Di bawah program ini, penerima yang layak boleh membeli barang keperluan asas terpilih dengan menggunakan myKAD di kedai-kedai runcit berdaftar.

¹ Sila rujuk jadual di Lampiran

² Sila rujuk jadual di Lampiran

Kelayakan untuk menerima bantuan SARA adalah berdasarkan status kategori miskin dan miskin tegar dalam pangkalan data e-Kasih iaitu data rujukan untuk kementerian dan agensi Kerajaan.

Pelaksanaan **SARA akan bermula pada 22 Januari 2024 (Isnin)** bagi penerima dari **Semenanjung Malaysia**, manakala penyaluran bantuan tunai untuk penerima dari negeri **Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan bermula 19 Februari 2024² (Isnin)**.

Bagi penerima program SARA di Semenanjung Malaysia, bantuan SARA akan disalurkan secara bulanan iaitu RM100 sebulan untuk isi rumah dan warga emas tiada pasangan dan RM50 sebulan untuk golongan bujang.

Bagi penerima di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula, bantuan SARA akan disalurkan dua kali setahun iaitu RM600 untuk isi rumah dan warga emas tiada pasangan dan RM300 untuk golongan bujang pada 19 Februari 2024 (Isnin) dan 12 Ogos 2024 (Isnin) melalui pengkreditan ke akaun bank/secara tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara.

Mengambil kira sambutan program SARA yang menggalakkan pada tahun lalu, Kerajaan juga telah meluaskan rangkaian rakan runcit (pasar raya/kedai) yang mengambil bahagian kepada 515 buah (setakat 17 Januari 2024) berbanding 424 buah (tahun 2023) di seluruh negara.

Kementerian Kewangan ingin menasihati penerima SARA agar sentiasa berwaspada dengan pautan yang tidak sahih oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi merujuk informasi mengenai program SARA.

Soalan lazim (FAQ) dan semakan status kelayakan SARA hanya boleh didapati di Portal Rasmi STR melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my> mulai 4:00 petang, 19 Januari 2024 dan **maklumat lanjut mekanisme pelaksanaan SARA** pula boleh dirujuk melalui pautan <https://www.mykasih.com.my> mulai 22 Januari 2024.

**Kementerian Kewangan
Putrajaya
19 Januari 2024**

¹ Sila rujuk jadual di Lampiran

² Sila rujuk jadual di Lampiran

Lampiran

1. Perbandingan pembayaran SARA tahun 2023 serta tahun 2024 seperti berikut:

		SARA 2023		SARA 2024	
Kategori Penerima	Kadar SARA	Status eKasih	Kadar SARA	Status eKasih	
Isi Rumah	RM600	Miskin Tegar eKasih (210,000 penerima)	RM1,200	Miskin Tegar & Miskin eKasih (700,000 penerima)	
Warga Emas Tiada Pasangan	RM600		RM1,200		
Bujang	RM600		RM600		

2. Pelaksanaan SARA mengikut kategori kelayakan masing-masing seperti berikut:

Tarikh Pelaksanaan	Negeri Terlibat	Kaedah Pelaksanaan SARA
22 Januari 2024	Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu	Bantuan barang keperluan tanpa tunai (<i>cashless</i>) berjumlah RM100/RM50 setiap bulan mengikut kategori bagi tempoh 12 bulan (Januari 2024-Disember 2024) secara automatik melalui akaun yang dibuka menggunakan MyKad penerima bagi pembelian di pasar raya/kedai runcit terpilih seluruh negara.
29 Januari 2024	Perlis, Perak, Pahang, Melaka dan Johor	
19 Februari 2024 dan 12 Ogos 2024	Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	Bayaran RM600/RM300 dua kali setahun mengikut kategori melalui pengkreditan ke akaun bank/secara tunai di cawangan BSN seluruh negara.

¹ Sila rujuk jadual di Lampiran

² Sila rujuk jadual di Lampiran